

Sukan Universiti Asean Edisi Ke-14

Latihan fasa akhir di UPM

SEMUA atlit siswazah kebangsaan akan memulakan fasa akhir latihan persiapan pada Rabu ini di Universiti Putra Malaysia sebelum beraksi pada temasya Sukan Universiti Asean (SUA) edisi ke-14 dari 10 hingga 21 Disember ini.

Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Penajaan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum), Nur Ekmal Buhary berkata, 400 atlit itu menjalani latihan selama sembilan hari setelah rehat tiga minggu bagi menghadapi peperiksaan di institut pengajian tinggi masing-masing.

“Saya rasa semua atlit kita segar untuk menjalani latihan fasa akhir ini walaupun baru habis menghadapi peperiksaan akhir,” katanya.



Beliau berkata, kem latihan fasa akhir itu untuk meningkatkan semangat dan keyakinan atlit sebelum menghadapi kejohanan itu kelak.

Nur Ekmal berkata atlit luar negara akan melapor diri pada 8 dan 9 Disember.



Saya rasa semua atlit kita segar untuk menjalani latihan fasa akhir ini walaupun baru habis menghadapi peperiksaan akhir”

>Nur Ekmal Buhary
Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Penajaan Masum

“Setakat hari ini, hanya pasukan hoki dan boling padang dari Timor Leste yang ada setelah tiba di ibu negara

Jumaat lalu,” katanya.

Nur Akmal berkata, seramai 18 pemain hoki negara itu berada di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, bagi mengikuti Pesta Hoki USM, berakhir hujung bulan ini.

Sementara itu, pasukan boling padang negara itu pula giat menjalani latihan bersama jurulatih tempatan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

SUA 2008 menawarkan 202 pingat emas melalui 21 acara yang dipertandingkan.

Dalam penyertaan pada edisi ke-13 di Vietnam, dua tahun lalu, kontinjen negara berada di tangga keempat keseluruhan di belakang tuan rumah, Thailand dan Indonesia selepas meraih tujuh pingat emas, 19 perak dan 37 gangsa.